

# Pulihara tapak penemuan sebagai khazanah

**Kuantan:** Kerajaan Pahang akan memelihara tapak penemuan fosil gigi dinosaur 'spinosauridae' sebagai khazanah dan kemudian membangunkannya menjadi pusat pelancongan terkemuka.

Sambil berbangga dengan kejayaan sepasukan lima penyelidik palaentologi negara dan Jepun yang membuat penemuan itu, Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan dan Pelancongan negeri, Datuk Mohd Sharkar Shamsuddin, berkata penemuan fosil itu turut dibincangkan dalam mesyuarat EXCO negeri, semalam.

"Kita memutuskan perlu kajian lanjut dengan kerjasama beberapa pihak bagi menyelidik sama ada wujud kehidupan manusia silam di kawasan itu. Ini penemuan hebat dan membanggakan untuk Pahang. Kita yakin ia berpotensi jadi tarikan terbaru pelancongan,"

katanya.

Sambil melahirkan rasa yakin penemuan fosil itu akan memperluas potensi pelancongan dan melengkapkan lagi pakej pelancongan Pahang, beliau berkata, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob akan mengumumkan lokasi sebenar tapak penyelidikan berkenaan selepas semua kajian selesai.

## **Lindungi tapak penemuan**

Timbalan Pengerusi Tourism Malaysia, Datuk Maznah Mazlan, berkata semua pihak perlu mengemblem tenaga bagi melindungi tapak fosil dinosaur yang julung kali ditemui di negara ini.

Beliau berkata penemuan khazanah berharga di pedalaman Pahang itu adalah rahmat yang menambah tarikan dunia luar kepada Malaysia khususnya di negeri berkenaan.

"Segala usaha perlu dibuat untuk melindungi khazanah itu. Mudah-mudahan ini permulaan kepada sebuah pengembaraan menarik kerana saya yakin lebih banyak rahsia masih tersorok untuk dijumpai," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (Penyelidikan & Inovasi), Prof Dr Mashitah Mohd Yusoff, berkata pihaknya bersedia meminjakan kepakaran serta kelengkapan peralatan bagi merungkai misteri penemuan fosil berkenaan.

"Kita ada beberapa peralatan yang mungkin sesuai digunakan penyelidik dari Universiti Malaya, tetapi mereka kena bawa fosil ke UMP. Mungkin kami dapat membantu melihat lebih terperinci fosil berkenaan," katanya.

Setiausaha Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) Kuala Lipis, Abdul

Rani Wahab, pula meminta Kerajaan Pahang menghentikan sebarang projek pembangunan atau aktiviti di kawasan penemuan fosil bagi memastikan tapak berkenaan terpelihara, sekali gus penyelidikan dan pencarian berjalan lancar tanpa gangguan.

"Pengawasan secara berkala perlu supaya tiada pihak ambil kesempatan menjalankan sebarang aktiviti di kawasan berkenaan seterusnya memusnahkan tapak terbabit. Penemuan itu membuktikan Malaysia antara negara yang sudah didiami hidupan sejak berjuta tahun lalu.

"Ia boleh dijadikan ikon terbaru negeri menarik lebih ramai pelancong. Ini kelebihan kepada Pahang yang boleh digelar pusat penemuan dinosaur Malaysia menerusi kajian dan penyelidikan pada masa akan datang," katanya.